

25/07/1997

PM Kazakhstan sambut Slam

Hardi Effendi Yaacob

PERDANA Menteri Kazakhstan, Akezhan Kazhegeldin dijadualkan menyambut ketibaan kumpulan Slam untuk menyertai Festival Voices Of Asia yang akan berlangsung di negara itu, mulai 28 hingga 31 Julai ini.

Pengurus Slam, Johan Aziz ketika ditemui Pusparia berkata, berita yang menggembirakan itu diterima baru-baru ini menerusi kiriman faks daripada Kedutaan Malaysia di Kazakhstan.

Menurutnya, faks itu turut menyatakan kesediaan Kazhegeldin menganjurkan majlis makan malam rasmi bagi meraikan Slam yang akan diiringi Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Malaysia, Hashim Ismail.

"Berdasarkan kiriman kedutaan kita di sana, saya rasa itu saja yang dapat diberitahu setakat ini dan kemungkinan besar berlaku sedikit perubahan di saat akhir.

"Jika tidak silap saya, semua aturcara itu bergantung kepada jadual beliau (Kazhegeldin) dan terpulang kepada kedutaan menguruskan perkara itu sebaik mungkin tanpa dibebani sebarang masalah.

"Apa yang dapat dipastikan, beliau (Kazhegeldin) sudah menyatakan kesediaannya bertemu dengan Slam malah mempelawa mengunjungi beliau di kediaman rasmi Perdana Menteri," katanya lagi.

Johan berkata, dia sendiri kurang pasti punca utama Perdana Menteri Kazakhstan itu berminat menemui anggota Slam sedangkan kumpulan itu hanya popular di Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

Menurut Johan lagi, ia mungkin disebabkan Kazhegeldin terpegun dengan pembangunan negara terutamanya dari segi infrastruktur dan ekonomi.

"Tambahan pula, kita sudah menjalinkan hubungan dua hala dengan Kazakhstan sejak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan lawatan rasmi ke sana.

"Bukan itu saja, saya rasa ia juga mungkin disebabkan kejayaan beberapa penyanyi tempatan seperti Ziana Zain dan Erra Fazira menjuarai Festival Voices Of Asia dua tahun berturut-turut iaitu 1995 serta 1996," katanya.

Ditanya mengenai festival muzik itu, Johan berkata, kumpulan Slam sedang membuat persiapan terakhir untuk menyanyikan tiga lagu popular mereka yang dipetik dari album Slam Unplugged 2.

"Setahu saya, festival itu akan berlangsung selama tiga hari dan ia secara tidak langsung mewajibkan setiap peserta menyanyikan tiga lagu. Oleh itu, Slam memilih untuk menyanyikan lagu Rindu Bayangan, Nur Kasih dan Gerimis Mengundang.

"Saya diberitahu oleh anggota Slam, mereka tidak mahu menaruh harapan terlalu tinggi terhadap festival muzik ini tetapi berharap agar dapat mengulangi kejayaan dua penyanyi tempatan sebelum ini dan mengharumkan nama negara di peringkat dunia," katanya lagi.

Mengenai rancangan Slam selepas ini, Johan berkata, mereka terpaksa mengambil penerbangan ke London apabila selesai saja festival muzik itu untuk memulakan penggambaran filem Gerimis Mengundang terbitan Nizarman Production.

(END)